



bil.(73)dIm.SUKJ.489/18-6
30 Januari 1997

Semua Ketua Jabatan
Dalam Bangunan Sultan Ibrahim
Johor Bahru

PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.1 TAHUN 1997

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan Bangunan Sultan Ibrahim dijadikan kawasan larangan merokok. Peraturan ini dibuat selaras dengan usaha Kerajaan mewujudkan persekitaran yang bersih dan memperluaskan larangan merokok untuk meliputi bangunan-bangunan pejabat Kerajaan.

2. Dengan demikian, semua pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan yang bertugas di Bangunan Sultan Ibrahim adalah dikehendaki mematuhi peraturan ini dan memaklukkannya kepada pelawat-pelawat yang berurusan dengan Jabatan masing-masing supaya mereka tidak merokok semasa berada didalam Bangunan Sultan Ibrahim.

3. Peraturan ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 12 Februari 1997 dan Ketua-Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab melaksanakan peraturan larangan merokok ini sepenuhnya di Jabatan masing-masing dan memastikan supaya tanda "**Dilarang Merokok**" dipamirkan di Pejabat-pejabat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' DR. HAJI SHAHIR BIN NASIR)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR